

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. NORAINI AHMAD**
[PARIT SULONG]

SOALAN NO. 339

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status cadangan penggubalan undang-undang khusus bagi melindungi warga emas daripada pengabaian, penderaan emosi atau fizikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjamin peningkatan kesejahteraan hidup warga emas di Malaysia, Kerajaan melihat kepada keperluan untuk menggubal satu akta khusus untuk warga emas yang mana salah satu persediaan untuk menghadapi negara tua pada tahun 2030. Penggubalan akta baru khusus untuk warga emas akan menumpu kepada perlindungan hak asasi golongan warga emas dengan lebih menyeluruh dan spesifik.

Sehubungan itu, Kementerian sedang melaksanakan Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop bagi Pewujudan Satu Akta Khusus untuk Warga Emas di Malaysia yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 April 2019 dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2020. Antara hasil yang dijangka daripada kajian ini adalah satu draf rang undang-undang warga emas yang akan memfokuskan kepada perlindungan hak asasi dan kebajikan ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas, termasuk perlindungan daripada pengabaian, penderaan emosi atau fizikal. Memandangkan pelaksanaan akta ini kelak akan memberi impak kepada rakyat termasuk agensi Kerajaan yang akan menguatkuasakannya, beberapa sesi konsultasi akan diadakan bersama pemegang taruh yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta, ahli akademik, pertubuhan bukan Kerajaan dan juga komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN NO. 339

Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi ekonomi kepada rakyat selepas Cukai Gula dilaksanakan pada 1 Julai 2019, dan alasan rasional Kerajaan melaksanakan cukai ke atas minuman bergula tersebut sedangkan kebanyakan produk minuman bergula termasuk minuman berkarbonat merupakan barangan antara keperluan harian rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenaan duti eksais ke atas produk minuman bergula merupakan salah satu strategi yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah *National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III (2016-2025)* dengan tujuan untuk menangani isu peningkatan kos rawatan penyakit obesiti, diabetes dan penyakit-penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Disease [NCDs]*) yang dikaitkan dengan pemakanan. Selaras dengan strategi tersebut, Kerajaan melaksanakan pengenaan duti eksais ke atas **produk minuman bergula dalam bentuk pembungkusan sedia diminum** berkuatkuasa mulai 1 Julai 2019.

Duti eksais akan dikenakan di peringkat pengilangan tempatan dan semasa produk diimport ke atas minuman bergula dalam bentuk pembungkusan sedia diminum yang jatuh di bawah kepala kod tarif 20.09 dan 22.02 dan mengandungi kandungan gula (*total sugars*) melebihi dari nilai ambang (*threshold*) yang ditetapkan.

Minuman sedia diminum bermaksud minuman tersebut sedia untuk diminum tanpa melalui proses seterusnya seperti pembancuhan, pemanasan dan sebagainya tanpa mengambilkira bentuk pembungkusannya. Minuman seperti teh tarik yang dibancuh di kedai atau restoran bukan minuman sedia diminum dan ia tidak akan dikenakan duti eksais.

Cukai ke atas minuman bergula telah dilaksanakan oleh 28 buah negara lain di dunia. Sebagai contoh, negara lain di rantau Asia juga sudah mula mengambil langkah mengenakan cukai terhadap minuman bergula seperti negara Brunei yang bermula pada April 2017. Selain itu, negara seperti Hungary, Perancis, Mexico, United Kingdom dan beberapa negeri di Amerika Syarikat telah mengenakan cukai terhadap minuman bergula.

NO SOALAN : 339

Pengenaan duti eksais pada kadar 40 sen per liter ini dijangka akan memberi kesan kenaikan harga jualan yang minimum bagi produk minuman bergula yang terlibat. Contohnya kenaikan harga sekurang-kurangnya 10 sen bagi minuman sedia diminum dalam bentuk pembungkusan bersaiz 250ml, sekurang-kurangnya 20 sen bagi minuman bersaiz 500ml dan sekurang-kurangnya 40 sen bagi minuman bersaiz 1 liter.

Dengan kenaikan harga jualan, Kerajaan berharap ia akan dapat mengurangkan permintaan minuman bergula tinggi di pasaran, seterusnya mengubah trend pengambilan minuman ke arah pilihan yang lebih sihat, iaitu kurang kandungan gula. Di samping itu, langkah pengenaan duti eksais ini secara tidak langsung akan turut menggalakkan industri untuk menghasilkan lebih banyak produk minuman yang mengandungi kadar gula lebih sihat, sekaligus membantu mengurangkan prevalen obesiti dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan di kalangan rakyat.